

Bal Liwa

## **BAB DUA**

### **PENGAKHIRAN AYAT AL-QURAN (*AL-FĀŠILAH*)**

#### **2.1 PENGENALAN**

Pengakhiran ayat atau dalam istilah '*Ulūm al-Qur'ān*' lebih dikenali sebagai *al-fāšilah* merupakan tajuk yang tidak kurang pentingnya dalam penyelidikan ini kerana ia berkait rapat dengan pengkajian seterusnya. Bukan sekadar itu sahaja, *fāšilah* juga merupakan topik yang sering digandingkan bersama *munāsabah* dalam kebanyakan perbincangan. Berdasarkan pemerhatian penulis, kedua-dua topik ini sememangnya tidak dapat dipisahkan. Dalam bab ini penulis akan menyelongkar sedikit sebanyak mengenai ilmu *fāšilah* dengan harapan ia dapat membantu menambahkan pemahaman kepada tajuk-tajuk dan perbincangan seterusnya.

#### **2.2 DEFINISI *FĀŠILAH*.**

##### **2.2.1 Dari segi bahasa.**

Jika ditinjau dalam kamus-kamus bahasa arab, *fāšilah* ( فَاصِلَةً ) atau kata *jama'nya fawāṣil* ( فَاصِلٍ ) ialah perkataan yang berasal dari kata akar *fāṣila* ( فَاصِلٌ ). Ia terdiri daripada beberapa maksud iaitu:

1. *kharaja* ( خَرْجٌ ) bermaksud keluar. Ia berdasarkan firman Allah s.w.t:

فَلَمَّا فَصَلَ طَلْوُتُ بِالْحَنْوِدِ...

*Maksudnya: Kemudian apabila Talut keluar bersama-sama tenteranya...*

Surah al-Baqarah (2): 249

2. *farraqa* ( فَرَقَ ) bermaksud memisahkan.
3. *tarada* ( طَرَدَ ) bermaksud mengusir / membuang / menjauhkannya.
4. *qata'ahu* ( قَطَّعَهُ ) bermaksud memutuskannya / memotongkannya.
5. *qaḍā* ( قَدْعَى ) bermaksud menghakimi, sepertimana firman Allah s.w.t:

إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ بِمَا يَعْمَلُ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ...

*Maksudnya: ...Sesungguhnya Allah akan memutuskan hukumNya di antara mereka pada hari kiamat...*

Surah al-Hajj (22): 17

6. *ḥakama* ( حَكْمَ ) bermaksud menghukum.
7. Mumutuskan ikatan antara dua perkara yang terjalin kuat.<sup>1</sup>

*Al-faṣl* ( الفَصْلُ ) pula bererti ( وَاحِدُ الْمُصْلُ ) iaitu ( القطع ) . Ia membawa maksud pecahan.<sup>2</sup> Manakala perkataan *infaṣala* ( انْفَصَلَ ) pula bererti *inqaṭ'a* ( انْقَطَعَ ) iaitu memutuskan. Dan *al-tafsīl* ( اتَّفَصِيلٌ ) bererti *al-tabyīn* ( اتَّبِيَّنَ ) iaitu menjelaskan.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ahmad Mukhtär Umar et al. (t.t), *al-Mu'jam al-'Arabi*, T.T.P: T.P, h. 937. Lihat juga Ibrāhim Anīs et al. (t.t), *al-Mu'jam al-Wasīt*, j.2, c.2. T.T.P: T.P, h. 691.

<sup>2</sup> Al-'Allāmah Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-Arab*, j. 1. Beirut: Dār al-Šādir, h. 522.

<sup>3</sup> *Ibid.*

## 2.2.2 Dari segi istilah.

Manakala dari segi istilah pula, *fāṣilah* membawa beberapa maksud bergantung kepada bidang perbahasannya.<sup>4</sup> Dalam perbahasan ilmu ‘arūq<sup>5</sup> istilah *fāṣilah* ( فاصلا ) bermaksud tiga atau empat huruf yang berbaris diikuti dengan satu huruf *sākin* ( سکن )<sup>6</sup> seperti ( كفـت ) dan ( قـلـمـنـ ) . Masing-masing dikenali sebagai *fāṣilah sughrā* dan *fāṣilah kubrā*.<sup>7</sup> Manakala dalam perbahasan tanda baca Bahasa Arab ( علامـةـ التـرـيـقـ ) , *fāṣilah* ( فاصـلا ) merupakan salah satu tanda baca seperti ini ( ، )<sup>8</sup> yang bermaksud berhenti seketika dalam sesuatu bacaan. Ia juga dikenali sebagai *syawlah* ( شـوـهـ ) atau *faṣlah* ( فـصـلـةـ ).<sup>9</sup> Dalam istilah ‘Ulūm al-Qur’ān pula, *fāṣilah* merupakan perbincangan mengenai pengakhiran ayat-ayat al-Quran dan inilah yang penulis fokuskan dalam perbincangan seterusnya.

Pelbagai definisi dan takrifan *fāṣilah* yang diberikan oleh para ulamak ‘Ulūm al-Qur’ān.<sup>10</sup> Menurut Imām al-Suyūtī dan Imām al-Zarkasyī *fāṣilah* ialah kalimah akhir yang terdapat dalam sesuatu ayat al-Quran seperti *qarñnah* dalam syair dan *qāfiyah* dalam *saja*.<sup>11</sup> Manakala menurut Al-Qādī Abū Bakr al-Bāqilānī pula, ia adalah huruf yang seiras yang terletak di hujung ayat dan melaluinya

<sup>4</sup> Muhammad Ḥasnāwī (1986), *al-Fāṣilah fī al-Qur’ān*, c. 2. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 23.

<sup>5</sup> ilmu pembinaan syair Arab.

<sup>6</sup> *sākin*: tanda mati ( o )

<sup>7</sup> Ahmad Mukhtār Umar et al. (t.t), *op.cit.*, h. 937. Lihat juga Ibrāhīm Anīs et al. (t.t), *op.cit.*, h. 691. Lihat juga Muhammad Ḥasnāwī (1986), *op.cit.*, h. 24.

<sup>8</sup> Dalam Bahasa Melayu dikenali sebagai ‘koma’.

<sup>9</sup> Ahmad Mukhtār Umar et al. (t.t), *op.cit.*, h. 937. Lihat juga Ibrāhīm Anīs et al. (t.t), *op.cit.*, h. 691. Lihat juga Muhammad Ḥasnāwī (1986), *op.cit.*, h. 24.

<sup>10</sup> ‘Abd al-‘Azīm Ibrāhīm Muhammad al-Mut’īniy (1992), *Khaṣāṣ al-Ta’bīr al-Qur’ānī wa Simātuhū al-Balāghiyah*, j.1. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 218.

<sup>11</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (1999), *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, j.2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 435. Lihat juga Badr al-Dīn Muhammad bin ‘Abd Allāh al-Zarkasyī (t.t), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Muhammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (taḥqīq), j. 1. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 53.

maksud ayat boleh difahami.<sup>12</sup> Al-Rummāni juga turut memberi definisi yang hampir sama yang mana menurutnya *fāṣilah* ialah huruf yang seiras yang terletak di hujung ayat dan melaluinya maksud ayat boleh difahami dengan sebaik-baiknya.<sup>13</sup>

Walau bagaimanapun al-Dāni memberi definisi yang agak berlainan, pada pandangannya *fāṣilah* ialah kalimah akhir di dalam satu *jumlah*<sup>14</sup>. Takrif ini amat jelas berbeza dengan ulamak-ulamak ‘Ulūm al-Qur’ān yang lain. Ini kerana mereka mentakrifkan *fāṣilah* sebagai kalimah akhir dalam sesuatu ayat al-Quran, bukan di akhir *jumlah*. Definisi *fāṣilah* yang dimaksudkan oleh al-Dāni boleh jadi ia terletak di awal ayat atau di pertengahan ayat atau diakhir ayat.<sup>15</sup> Adapun Ahmad Ahmад Badawi<sup>16</sup> mendefinisikan *fāṣilah* dalam kitabnya *Min Balāghah al-Qur’ān* sebagai kalimah yang terakhir dalam sesuatu ayat al-Quran.<sup>17</sup>

Walaupun pelbagai takrifan *fāṣilah* yang diberikan oleh para ulamak, namun ia tetap berkait dengan maksud asalnya dari sudut bahasa sama ada secara langsung atau tidak. Perkaitan ini akan lebih jelas lagi menerusi penerangan dan perbincangan seterusnya. Berhubung dengan definisi *fāṣilah*, keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa *fāṣilah* merupakan satu disiplin ilmu yang membincangkan tentang kalimah akhir di dalam sesuatu ayat al-Quran.

<sup>12</sup> Al-Suyūṭī, *ibid*. Lihat juga Muhammad Hasnāwī (1986), *op.cit.*, h. 26.

<sup>13</sup> Muhammad Khalif Allāh et al. (t.t.), *Thalāth Rasā’il fī Ijāz al-Qur’ān li al-Rummāni wa al-Khaṭṭābī wa ’Abd al-Qāhir al-Sūrjānī fī al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah wa al-Naqd al-Adabī* Mesir: Dār al-Ma’ārif, h. 89. Lihat juga Muhammad Ḥasnāwī, *ibid*.

<sup>14</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 435. Lihat juga al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 53.

<sup>15</sup> Al-Muṭ’iniy (1992), *op.cit.* h. 218.

<sup>16</sup> Seorang sasterawan moden dan merupakan penulis kitab *Asās al-Naqd al-Adab ‘inda al-’Arab*.

<sup>17</sup> Ahmad Ahmад Badawi (1978), *Min Balāghah al-Qur’ān*. Kaherah: al-Fajjalah, h. 75.

## 2.3 FĀSILAH DAN SAJA<sup>18</sup>.

Perbahasan mengenai *fāsīlah* dalam al-Quran membawa banyak pandangan dan pendapat di kalangan para ulamak terutamanya dalam membahaskan kedudukan ilmu tersebut, adakah ia mempunyai persamaan dengan ilmu *saja'* dan syair<sup>19</sup>? Ini kerana kedudukan dan kepentingan serta fungsi *fāsīlah* dalam al-Quran adalah sama dengan *qāfiyah* dan *qarīnah* dalam *saja'* dan syair.<sup>20</sup> Bahkan keseragaman huruf akhir *fāsīlah* turut dijadikan perbandingan antara keduanya. Ini kerana kaedah pembinaan huruf akhir dalam al-Quran (*fāsīlah*) adalah sama seperti kaedah pembinaan huruf akhir dalam *saja'* dan syair Arab.

Ekoran daripada ini, perbincangan mengenainya dapat dipecahkan kepada dua pendapat. Pertamanya pendapat yang menolak keras kewujudan *saja'* dalam al-Quran. Dan pendapat kedua pula ialah pendapat yang mengiakan kewujudan *saja'* dalam al-Quran.<sup>21</sup> Namun demikian sebahagian besar ulamak menolak pendapat ini kerana bagi mereka tidak mungkin menyamakan *kalām* al-Quran dengan kata-kata ahli sasterawan atau kata-kata *anbiyā'* ataupun kata-kata para cendikiawan. *Kalām* Allah sama sekali tidak boleh disamakan dengan syair atau *saja'* ciptaan manusia.<sup>22</sup>

<sup>18</sup> *Saja'*: puisi arab yang diakhiri dengan huruf yang sama di hujungnya.

<sup>19</sup> *Saja'* dan syair yang dimaksudkan di sini ialah *saja'* dan syair Arab.

<sup>20</sup> Bakri Syeikh Amin (1979), *al-Ta'bīr al-Fanniy fī al-Qur'ān*, c.3, Beirut: Dār al-Syurūq, h. 203

<sup>21</sup> Menurut al-Mu'tiniyy, pendapat yang menerima kewujudan *saja'* dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada dua iaitu pertamanya *Sybūh al-Māni' īn* (صَبَّحَ الْمَانِيُّ بِنْ ) dan yang kedua ialah pendapat yang menerima kewujudan *saja'* dalam al-Quran secara total. Pendapat pertama (*syibūh al-māni' īn*) hampir-hampir menolak kewujudan *saja'* dalam al-Quran. Ini kerana pada pandangan mereka *saja'* adalah satu ilmu membahaskan *kalām* dari sudut susunan lafaz-lafaznya, manakala *fāsīlah* pula membahaskannya dari sudut makna. Kedua-duanya adalah dua perkara yang amat jauh berbeza. Lihat al-Mu'tiniyy (1992), *op.cit.*, h. 220.

<sup>22</sup> Manna' al-Qatṭān (2000), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 153.

Antara ulamak yang menentang hebat kewujudan *saja'* dalam al-Quran ialah Imām al-Bāqilānī. Menurutnya al-Quran tidak mungkin disamakan dengan *saja'* atau syair<sup>23</sup> kerana ia merupakan *kalām* Allah yang syumul, jauh daripada apa-apa yang disandarkan kepada manusia. Berbeza dengan *saja'* atau syair yang pada kebiasaannya mempunyai unsur-unsur khayalan, pendustaan, kesamaran dan penerangan yang melampau. Sedangkan al-Quran terpelihara daripada kesemua unsur ini.<sup>24</sup> Hal ini di tegaskan lagi oleh Allah s.w.t berdasarkan firmanNya:

وَمَا هُوَ بِقَوْلٍ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَا ثُوْمِنُونَ(41) وَلَا بِقَوْلٍ كَاهِنٍ قَلِيلًا  
أَنْذَكُرُونَ(42)

*Maksudnya: Dan bukanlah Al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan. Tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu beriman. Dan juga bukanlah Al-Quran itu perkataan seorang pawang (sebagaimana yang kamu katakan. Tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan.*

Surah al-Hāqqah (69): 41-42.

Antara lain hujahnya lagi, *saja'* tidak mungkin wujud dalam al-Quran kerana tidak semua ayat al-Quran diakhiri dengan dengan *huriif saja*<sup>25</sup> yang sama dan seragam. Ini kerana keseragaman huruf akhir ayat (*fāsilah*) dihasilkan dengan menggunakan huruf yang sama ataupun hampir-hampir sama. Hal ini tidak mungkin terjadi kepada *saja'* yang sentiasa disusun dengan pengakhiran huruf yang sama dan seragam. Sekiranya ia berlaku juga, *saja'* tersebut dianggap cacat ('aib).<sup>26</sup> Al-Quran tidak mungkin dikenali sebagai *saja'* yang aib dan cacat hanya disebabkan oleh alasan ini. Hakikatnya al-Quran adalah *kalām* Allah yang suci daripada segala keburukan dan kelemahan.

<sup>23</sup> Al-Qādī Abī Bakr al-Bāqilānī (1999), *I'jāz al-Qur'ān*, j 2 dari al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān. Beirut: Dār al-Fikr, h. 623.

<sup>24</sup> 'Abd al-Karīm al-Khaṭīb (1964), *I'jāz al-Qur'ān: fī Dirāsah Kāsyifah li Khaṣā'iṣ al-Balāghah al-'Arabiyyah wa Mu'āyarah*, j. 2. Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 209.

<sup>25</sup> Huruf akhir dalam *fāsilah* juga dikenali sebagai *hurūf saja'*.

<sup>26</sup> Al-Bāqilānī (1999), *op.cit.*, h. 624.

Walau bagaimanapun, terdapat satu hujah Imām al-Bāqilānī yang ditolak oleh jumhur ulamak iaitu pendapatnya yang mengatakan pemilihan lafaz *saja'* menentukan maksud dan makna *saja'* yang dicipta. Sedangkan sebaliknya berlaku kepada al-Quran di mana maksud dan makna ayat yang menentukan lafaz-lafaznya.<sup>27</sup> Hujah ini terang-terangan ditolak kerana tidak semua *saja'* dibina dan dicipta seperti yang didakwa oleh Imām al-Bāqilānī. *Saja'* yang beliau maksudkan ialah *saja'* yang dikarang tanpa di sertai dengan penghayatan perasaan yang mendalam. *Saja'* jenis ini sememangnya ditolak oleh jumhur ulamak. Tetapi bagaimana pula *saja'* yang dicipta dengan penuh penghayatan perasaan? Sudah tentu ia adalah *saja'* yang penuh dengan makna dan disusun dengan menarik.<sup>28</sup>

Namun begitu, hujah ini tetap mendapat sokongan kuat daripada al-Rummānī. Menurut beliau huruf dan kalimah *fāṣilah* terbentuk mengikut kehendak makna ayat sedangkan makna *saja'* atau syair dibentuk mengikut huruf-hurufnya.<sup>29</sup> Lantaran itu beliau telah membuat satu kesimpulan *الفوّاصل بالغة والأشناع* <sup>عَنْ</sup><sup>30</sup> Dengan kata lain “*fawāṣil* adalah susunan *kalām* yang indah dan menarik, manakala *saja'* pula adalah susunan *kalām* yang jelek dan cacat.”

Ibn Athīr telah cuba menolak hujah yang diketengahkan oleh Imām al-Bāqilānī dan al-Rummānī. Menurut beliau sekiranya *saja'* itu dianggap cacat dan aib, kenapa ia tetap wujud dalam al-Quran? Bahkan didapati *surah masjū'ah*<sup>31</sup> dalam al-Quran seperti surah *al-Rāyman* dan surah *al-Qamar*, dan boleh

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 623.

<sup>28</sup> 'Abd al-Karīm al-Khaṭīb (1964), *op.cit.*, h. 210.

<sup>29</sup> Muhammad Khalf Allah *et al.* (t.t), *op.cit.*, h. 89.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> *surah masjū'ah*: surah yang keseluruhan ayat-ayatnya diakhiri dengan huruf yang sama.

dikatakan dalam setiap surah terdapat ayat-ayat *saja*.<sup>32</sup> Pendapat ini turut mendapat sokongan al-Khaffājī dalam kitabnya *Sir al-Faṣāḥah*. Beliau menganggap huruf yang seragam di penghujung ayat al-Quran (*fāṣilah*) merupakan *saja*.<sup>33</sup>

Sebenarnya pendapat yang menolak kewujudan *saja* dalam al-Quran pada mulanya dipelopori oleh golongan al-Asy‘ariyyah, kemudian baru diikuti oleh ulamak-ulamak lain seperti Ibn Khaldūn, al-Rummānī, al-Bāqilānī dan sebagainya.<sup>34</sup> Walaupun ulamak-ulamak ini mendatangkan pelbagai hujah untuk mempertahankan pendapat dan pandangan mereka, namun ia tetap mendapat tentangan daripada segelintir ulamak yang menyokong kewujudan *saja* dalam al-Quran dan sekaligus menolak hujah-hujah yang diberikan. Antara mereka ialah Abū Hilāl al-‘Askarī, Dhiyā’ al-Dīn Ibn Athīr, Ibn Sinān al-Khaffājī, Ibn Nafīs dan beberapa ulamak lain.<sup>35</sup>

Walaupun bagaimanapun, penulis mendapati bahawa pertelingkahan ulamak mengenai ilmu ini tidak menjelaskan fungsi *fāṣilah* itu sendiri dalam al-Quran. Perselisihan mereka hanyalah mengenai definisi atau takrifan yang perlu diberikan pada penghujung ayat al-Quran yang seragam, dan ia bukanlah menunjukkan kelemahan dan kecacatan al-Quran.

<sup>32</sup> *ayat saja*: iaitu ayat yang diakhiri dengan huruf yang sama. Lihat Diya’ al-Dīn Naṣr Allāh Abī al-Karām Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm Ibn Athīr al-Juzurī (1998), *al-Mathāl al-Sā’ir fī Adab al-Kātib wa al-Syā’ir*. Al-Syeikh Kāmil Muḥammad Muḥammad ‘Uwaidah (taḥqīq.), j.1. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, h. 190.

<sup>33</sup> Al-Amīr Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Sa’id bin Sinān al-Khaffājī (1982), *Sir al-Faṣāḥah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 172.

<sup>34</sup> Al-Muṭ‘inīy (1992), *op.cit.*, h. 220.

<sup>35</sup> *Ibid.*

## **2.4 PERANAN *FĀŠILAH***

Walaupun kedudukan dan kepentingan *fāšilah* dalam al-Quran adalah sama penting dengan kedudukan dan kepentingan *qāfiyah* dan *qarīnah* dalam *saja'* dan syair, tetapi peranan yang dibawa oleh *fāšilah* tidak sama dengan kedua-duanya. *Fāšilah* adalah satu bidang ilmu al-Quran yang tersendiri dan jauh berbeza berbanding perbahasan ilmu *saja'* dan syair. Rata-rata para ulamak berpendapat menyatakan *fāšilah* membawa dua peranan utama dalam sesuatu ayat al-Quran iaitu:

- (i) membawa alunan yang indah dalam bacaan.
- (ii) Menyempurnakan makna sesuatu ayat.<sup>36</sup>

Penulis menguraikan kedua-dua peranan ini dengan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu *lafzīyyah* dan *ma'navīyyah*.

### **2.4.1 *Fāšilah Lafzīyyah***

Ia merujuk kepada peranan pertama yang membahaskan *fāšilah* dari sudut lafaznya. Penghujung ayat ini dibina daripada susunan huruf-huruf yang membentuk kalimah, dan kalimah-kalimah ini disusun sesuai dengan maksud ayat. Kesemua huruf dan kalimah ini telah menghasilkan alunan muzik dan irama yang indah.<sup>37</sup> Huruf yang lazim digunakan dalam *fāšilah* ialah huruf alif ( ﴿ ), waw ( ﴽ ), ya' ( ﴾ ), nun ( ﴽ ) dan mim ( ﴽ ). Tiga yang pertama adalah huruf mad atau

<sup>36</sup> Bakrī Syeikh Amin (1979), *op.cit.*, h. 203.

<sup>37</sup> Sayyid al-Quṭub (1980), *al-Taṣwīr al-Fannīy fī al-Qur'ān*, c. 6. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 84.

dikenali sebagai *al-Iflaq* (إِلْفَاق) dalam istilah ilmu syair. Manakala dua lagi ialah huruf yang berada dalam *makhraj* yang senang disebut.<sup>38</sup> Penggunaan huruf ini bertujuan mengukuhkan lagi irama *fāsilah* dalam ayat al-Quran, sepetimana kata Sibawayh seorang ahli nahu bahasa arab: “Apabila orang Arab menyanyi, nyanyian mereka akan diikuti dangan huruf alif (ا), ya’ (ي) dan nun (ن). Ia bertujuan untuk memanjangkan suara (mencantikkan irama). Mereka akan meninggalkan huruf tersebut sekiranya tidak menyanyi”<sup>39</sup>

Lazimnya lafaz yang digunakan dalam *fāsilah* ialah lafaz yang mempunyai keseragaman dalam alunan muziknya. Oleh sebab itu kadang kala kita menemui ulangan *kalām fāsilah* dalam dua ayat atau lebih. Contohnya dalam surah *al-Rahmān*, lafaz (بَأْيُ الْأَرْبَعَةِ رَجُلُنَا مُكَذِّبٌ) diulang sebut beberapa kali. Demikian juga lafaz (وَتِلْ يَوْمَدِ لِلنَّكَبَيْنِ) dalam surah *al-Mursalāt*.<sup>40</sup> Menurut Imām al-Zarkasyī *kalām fāsilah* boleh dibahagikan kepada dua<sup>41</sup> iaitu:

(i)      *Mutamāthil* (مشتمل)

Iaitu ayat yang diakhiri dengan huruf yang sama. Contohnya firman Allah s.w.t:

وَالظُّرُورِ (1) وَكِتَابٍ مَسْطُورٍ (2) فِي رَقٍ مَشْتُورٍ (3) وَالْبَيْتُ الْمَعْمُورُ (4)

*Maksudnya: Demi Gunung Tursina; Dan demi Kitab yang tertulis dengan rapi. Pada lembaran surat yang terbuka; Dan demi "Al-Baitul Makmur";*

Surah al-Tür (52): 1-4

<sup>38</sup> Bakri Syeikh Amīn (1979), *op.cit.*, h. 203.

<sup>39</sup> Abi Basyar Umar bin ‘Uthmān bin Qanbir (1983), *al-Kitab: Kitāb Sibawayh*. ‘Abd al-Salām Muhamad Hārūn (taḥqīq.)j. 4, c. 3. Beirut: ‘Ālim al-Kutub, h. 204.

<sup>40</sup> Al-Muṭ’iniy (1992), *op.cit.*, h. 226.

<sup>41</sup> Al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 72.

## (ii) *Mutaqārib* ( مُتَقَارِب )

Iaitu ayat yang diakhiri dengan huruf yang hampir sama.<sup>42</sup> Contohnya firman

Allah s.w.t:

ق وَالْقُرْآنُ الْمَجِيدُ (1) بَلْ عَجِّلُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنْذَرٌ مِنْهُمْ فَقَالَ الْكَافِرُونَ هَذَا  
شَيْءٌ عَجِيبٌ (2) أَنَّا مَنَّا وَكَنَّا ثُرَابًا ذَلِكَ رَحْمَةٌ بَعِيدٌ (3) قَدْ عَلِمْنَا مَا تَنْصُصُ  
الْأَرْضُ مِنْهُمْ وَعِنْدَنَا كِتَابٌ حَفِظٌ (4) بَلْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ فَهُمْ فِي  
أَمْرٍ مَرِيحٍ (5)

*Maksudnya: Qaaf. Demi Al-Quran yang melimpah-limpah kemuliaan dan kebaikannya (bahawa sesungguhnya Muhammad adalah Rasul yang diutus memberi peringatan dan amaran). (Kaum musyrik Makkah bukan sahaja mengingkari kerasulannya) bahkan mereka merasa hairan kerana datang kepada mereka, dari kalangan mereka sendiri, seorang Rasul pemberi peringatan dan amaran (mengenai perkara hidup semula sesudah mati); lalu orang-orang yang kafir itu berkata: "Ini adalah satu perkara yang menakjubkan! "Adakah (kita akan kembali hidup) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Itu adalah cara kembali yang jauh (dari kemungkinan, kerana jasad yang telah hancur tidak dapat diketahui lagi)". (Apa yang mereka katakan itu tidaklah benar, kerana) Kami sedia mengetahui apa yang dimakan oleh bumi sedikit demi sedikit dari (tubuh orang mati) mereka, serta ada di sisi Kami sebuah Kitab yang menyimpan (catitian segala perkara yang berlaku). (Mereka tidak mahu berfikir betul) bahkan mereka (terburu-buru) mendustakan kebenaran apabila sahaja sampainya kepada mereka; oleh sebab itu, mereka berada dalam keadaan yang serba kacau.*

Surah Qaf (50): 1-5

### 2.4.2 *Fāsilah Ma'naviyah*.

Manakala *fāsilah ma'naviyah* pula membahaskan pengakhiran ayat dari sudut makna ayat. Peranannya dalam menyempurnakan makna ayat telah berjaya

<sup>42</sup> Syair atau *saja'* dikira cacat sekiranya keadaan ini berlaku. Tetapi tidak dalam al-Quran.

mengungkapkan isi kandungan sebenar sesuatu ayat.<sup>43</sup> Namun begitu ia memerlukan pengkajian yang teliti terhadap semua *fāsilah al-āyah*.<sup>44</sup> Lazimnya *fāsilah al-āyah* mempunyai hubungan yang rapat dengan makna sebenar ayat. Ini kerana wujud jalinan yang amat kuat antara keduanya.<sup>45</sup>

Sebagai contoh, dalam surah *al-Baqarah* ayat 1-7, al-Quran telah mendarangkan dua *khātimah al-āyah* (*fāsilah*) yang berlainan untuk menggambarkan balasan dan kesudahan terhadap dua golongan manusia yang berbeza amalan dan keimanannya. Bagi orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka diiktirafkan sebagai orang-orang yang berjaya . ( وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ) .

Manakala golongan sebaliknya didatangkan dengan kesudahan yang amat perit ( وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ).<sup>46</sup>

Dalam ayat ini kita dapati *fāsilah* berfungsi memberi *khulāsah* atau kesimpulan kepada makna ayat keseluruhannya. Ia telah menjadikan makna al-Quran lebih jelas dan lebih tersusun. Selain daripada itu, kadang kala *fāsilah* juga berfungsi sebagai pengukuh (*tawķid*) atau penguat (*taqrīr*) kepada makna ayat sebelumnya.<sup>47</sup> Disamping dua peranan utama seperti yang disebut, *fāsilah al-āyah* turut membawa beberapa peranan lain antaranya:

<sup>43</sup> Bakri Syeikh Amin (1979), *op.cit.*, h. 204.

<sup>44</sup> Al-Mut'iniy (1992), *op.cit.*, h. 226.

<sup>45</sup> Bakri Syeikh Amin (1979), *op.cit.*, h. 204.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Abd al-Karim al-Khaṭīb (1964), *op.cit.*, h. 207.

(i) Memberi kerehatan dalam pembacaan.

*Fāsilah* memberi peluang kepada pembaca untuk berhenti sebentar ( راحة ) للفس ) ketika mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran.<sup>48</sup> Kerehatan ini sebenarnya dapat mengatur bacaan dan nafas para pembaca. Ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t yang menyarankan pembacaan al-Quran secara *tartil*.

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلُ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا (4)

Maksudnya: Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil".

Surah al-Muzzammil (73): 4

(ii) Sebagai pemisah atau pencerai ayat.<sup>49</sup>

Selain itu *fāsilah* juga menunjukkan pengakhiran sesuatu perkara yang dibincangkan dan menunjukkan permulaan topik perbincangan yang baru. Dalam waktu yang sama ia juga berfungsi sebagai pemisah dan pencerai ayat. Memandangkan ayat-ayat al-Quran terdiri daripada pelbagai sudut perbincangan seperti hukum-hakam, kisah-kisah para nabi dan sebagainya, maka pemisah ayat (*fāsilah*) amat penting terutamanya dalam mencari batasan topik yang dibincangkan. Justeru itu selesainya sesuatu kisah atau hukum yang dibincangkan ditentukan oleh *fāsilah al-āyah*. Menurut Imām al-Suyū'i, fungsi tersebut amat sesuai dengan namanya - *fāsilah / fawāṣil* - yang merupakan pemisah antara dua *kalām*. Kalimah ini diambil dari firman Allah s.w.t.<sup>50</sup>

كِتابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ (3)

Maksudnya: Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab

<sup>48</sup> Al-Zarkasyi (t.t), *op.cit.*, h. 54.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> Al-Suyū'i (1999), *op.cit.*, h. 436.

*bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya.*

Surah Fuṣṣilat (41): 3

Pencerai ayat atau *fāṣilah* boleh ditentukan dengan melihat huruf yang terakhir dalam sesuatu ayat pada setiap surah. Contohnya seperti yang diakhiri dengan huruf ra' ( رَ ) dalam surah *al-Qamar* ataupun huruf mad sebelum akhir seperti ayat di dalam surah *al-Fātiḥah* ( الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ, مَلِكُ الْيَوْمِ الدِّينِ ) dan begitulah seterusnya di dalam surah-surah lain.<sup>51</sup>

Selain itu, ia juga boleh ditentukan berdasarkan persamaan yang wujud pada sesetengah ayat pada keadaan tertentu. Contohnya ayat-ayat yang menyatakan Allah s.w.t bersumpah dengan makhlukNya seperti ( اللَّهُ، الْقَارِئُ، الْمَالِكُ، الْحَسَنُ، الْحَسَنُ، وَالْمَنْعُ ). Ia disifatkan sebagai satu ayat yang sempurna dan ini telah disepakati oleh para ulamak *fawāṣil*. Namun begitu kaedah ini dikecualikan kepada lafaz sumpah yang diikuti dengan perkataan lain selepasnya. Contohnya ayat *Mursalāt* ( مُرْسَلَاتٌ غَرْبَةً ) dalam surah *al-Mursalāt*.<sup>52</sup>

Kesemua kaedah ini merupakan kaedah yang telah disepakati oleh jumhur ulamak *fawāṣil* dalam menentukan pencerai sesuatu ayat.<sup>53</sup> Sekarang jelas kepada kita bahawa *fāṣilah* bukan sekadar berfungsi mencantikkan alunan *kalām* al-Quran semata-mata. Tetapi dalam waktu yang sama ia membawa beberapa peranan lain seperti yang telah dinyatakan.

<sup>51</sup> Abdullah Bukhari Abdul Rahim (2000), "Ilmu Fawasil: Suatu Kajian Tentang Kaedah Pembelajarannya di Darul al-Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 32.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 32-33.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 33-34.

## 2.5 JENIS-JENIS *FĀSILAH*.

Ibn Abī al-Asba‘ telah membahagikan *fāsilah* kepada empat jenis. Menurutnya, *fāsilah* dalam al-Quran tidak akan terkeluar daripada empat jenis ini iaitu:<sup>54</sup>

### 2.5.1 *al-Tamkin* (الْتَّكِينُ)

Iaitu *fāsilah* yang didahului oleh ‘*alāmah* / tanda / pembayang makna ayat di mana ‘*alāmah* / pembayang tersebut mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan *fāsilah al-ayah*. Sekiranya pembayang / ‘*alāmah* tersebut digugurkan, makna ayat tidak akan difahami dan sekaligus merosakkan makna sebenarnya.<sup>55</sup>

Contohnya firman Allah s.w.t:

لَا يُنَرِّكُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُنَرِّكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ (103)

*Maksudnya: Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dia lah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambanya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuannya.*

Surah al-An‘ām (6): 103

Ayat ini diakhiri dengan *fāsilah* ( ). Penggunaan lafadz (اللطيف) (الْخَبِير) amat sesuai dengan kenyataan ayat sebelumnya atau pembayangnya ( لا يُنَرِّكُ الْأَبْصَارُ ) dalam menghabarkan sifat-Nya Yang Maha Halus yang tidak dicapai oleh penglihatan manusia. Demikian juga lafadz ( ) disesuaikan dengan

<sup>54</sup> Al-Suyū’i (1999), *op.cit.*, h. 441.

<sup>55</sup> Al-Mu’tiniy (1992), *op.cit.*, h. 233.

pembayangnya (وَمَرْبُرِكُ الْأَبْصَارِ) yang turut menerangkan tentang sifat-Nya Yang Maha Mengetahui dengan penglihatan-Nya yang tidak terbatas.<sup>56</sup> Ayat-ayat ini tidak mungkin difahami sekiranya pembayang tersebut tidak ada.

Antara lain firmanNya lagi:

أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَوْمٍ بِمَا كِتَبْنَا لَهُمْ إِنْ فِي  
ذَلِكَ لَآيَاتٍ أَفَلَا يَسْمَعُونَ(26)أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ النَّاسَ إِلَى الْأَرْضِ  
فَنَخْرُجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَغْنَاهُمْ وَأَنْفَسُهُمْ أَفَلَا يَتَسْبِرُونَ(27)

*Maksudnya: Dan belumkah lagi ternyata kepada mereka (yang kafir itu): bahwa Kami telah binasakan berapa banyak dari kaum-kaum yang kufur ingkar dahulu daripada mereka, padahal mereka sekarang berulang-alik melalui tempat-tempat tinggal kaum-kaum itu? Sesungguhnya kebinasaan kaum-kaum itu mengandungi keterangan-keterangan (untuk mengambil iktibar); oleh itu tidakkah mereka mahu mendengar (dan insaf)? Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahwasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?*

Surah al-Sajadah (32): 26-27.

Umumnya, kedua-dua ayat ini menceritakan tentang sikap manusia yang enggan mengakui kekuasaan Allah s.w.t. Sedangkan nikmat-nikmat yang terbentang di hadapan mereka sudah cukup membuktikan keagunganNya. Dalam ayat pertama Allah s.w.t menempelak sikap mereka dengan lafaz (أَنَّا نَسْبِرُونَ) pada penghujung ayat tersebut. Lafaz ini sesuai dengan situasi ayat yang menceritakan tentang sejarah umat-umat terdahulu. Ayat ini dikenali sebagai ayat *tārīkhīyyah*

<sup>56</sup> Ibid.

yang boleh difahami melalui cara mendengar dan riwayat. Oleh sebab itu lafaz (السُّجُود) digunakan sebagai *fāsilah* ayat tersebut.

Manakala ayat kedua pula diakhiri dengan lafaz (أَنْذِلْ يَصْرُونَ) disesuaikan dengan situasi ayat yang menceritakan hal dan keadaan semasa. Ayat ini dikenali sebagai ayat yang bersifat semasa atau *haḍāri* yang mana ia boleh difahami melalui cara melihat dan memerhati.<sup>57</sup> Justeru itu pengakhiran ayat tersebut lebih sesuai dengan lafaz (الصَّرْ).).

### 2.5.2 *al-Taṣdīr* (التصدير).

*Fāsilah* jenis ini pula ialah *fāsilah* yang didahului oleh “lafaz yang merupakan pembayang kepada *fāsilah*” sama ada di permulaan atau pertengahan ayat. Contohnya firman Allah s.w.t dalam surah *Āli Imrān* dan surah *al-Nisā'*.

رَبَّنَا لَا تُرِغِّبْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ  
الْوَهَّابُ (8)

Maksudnya: (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

Surah *Āli Imrān* (3): 8

لَكِنَّ اللَّهَ يَشْهَدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَهُ يَعْلَمُهُ وَالْمَلَائِكَةُ يَشْهَدُونَ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ  
شَهِيدًا (166)

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 226-227.

Maksudnya: (*Orang-orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad*), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran Al-Quran yang telah diturunkannya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmuNya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran Al-Quran ini).

Surah a-Nisā' (4): 166

*Fāsilah* kedua-dua ayat ini didahului oleh pembayangnya yang juga merupakan kalimah akhir *fāsilah* ayat tersebut. Dalam ayat pertama, kalimah akhir (وَهُبْ) didahului pembayangnya (أَوْهَبَ) di tengah-tengah ayat. Manakala dalam ayat kedua, kalimah akhir *fāsilah* (سُبْدَىً) didahului oleh dua lafaz pembayangnya di awal dan di tengah-tengah ayat iaitu (بِشَهَدَتِنَا) dan (بِشَهَادَتِكُمْ). Susunan ayat dan lafaz seperti ini dikenali sebagai (رُدُّ الْإِضْطَارِ عَلَى الصُّنُورِ) di kalangan *mutaqaddimūn*, manakala golongan *muta'akkhirūn* mengenalinya sebagai (الصُّدُورِ).<sup>58</sup>

### 2.5.3 *al-Tawṣīyah* (التوصيحة).

Manakala *al-tawṣīyah* pula ialah *fāsilah* yang juga didahului oleh lafaz yang juga merupakan pembayang kepada *fāsilah*, tetapi ada sedikit perbezaannya dengan *al-taṣdīr*. Ini kerana *al-taṣdīr* membahaskan pembayang tersebut dari sudut lafaz, sedangkan *al-tawṣīyah* membahaskannya dari sudut makna lafaz tersebut.<sup>59</sup> Contohnya firman Allah s.w.t:

إِنَّ اللَّهَ اصْنَفَى آدَمَ وَثُوْحَادَ وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ (33)

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 226.

<sup>59</sup> *Ibid.*, 234

*Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, dan Nabi Nuh, dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing).*

Surah Ali Imrān (3): 33.

Dari sudut lafaz, kalimah (اصطفى) tidak menunjukkan ia adalah pembayang kepada *fāsilah* (على الغالين). Tetapi sekiranya ditinjau dari sudut makna, orang yang terpilih (على الغالين) adalah dari kelompok yang dipilih (مختار).<sup>60</sup>

#### 2.5.4 *al-Īghāl* (الإنغال).

*Al-Īghāl* pula ialah *fāsilah* yang berfungsi sebagai *kalām* tambahan di mana ketiadaannya tidak menjelaskan makna ayat. Namun demikian kewujudannya tetap memberi peranan dan faedah kepada ayat tersebut, sama ada ia berfungsi sebagai pengukuh (*tawķid*) atau penguat (*taqrīr*) kepada *kalām* sebelumnya.<sup>61</sup> Contohnya firman Allah s.w.t.:

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَى الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى فَالَّذِي يَأْتِيهِمْ أَبْيَأُوا الْمُرْسَلِينَ (20)  
مَنْ لَا يَسْأَلُكُمْ أَحَدًا وَهُمْ مُهَتَّدُونَ (21)

*Maksudnya: Dan (semasa Rasul-rasul itu diancam), datanglah seorang lelaki dari hujung bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya: " Wahai kaumku! Turutlah Rasul-rasul itu. "Turutlah orang-orang yang tidak meminta kapada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang mandapat hidayah petunjuk".*

Surah Yāsin (36): 20-21

<sup>60</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 446.

<sup>61</sup> Al-Muṭ'iniy (1992), *op.cit.* h. 234.

Makna ayat telah sempurna sehingga ayat (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ...). Tetapi ia memerlukan *fāsilah* (فَسِيلَةً) untuk disesuaikan dengan *fāsilah* ayat sebelumnya. Dengan ini ia bukan sahaja menjadikan *kalām* al-Quran berrama bahkan turut mentawakkalkan ayat tersebut.

## 2.6 BENTUK-BENTUK *FĀSILAH*.

Tidak dinafikan perbincangan mengenai pecahan-pecahan ilmu ini agak kompleks. Menurut pemerhatian dan pengkajian penulis, *fāsilah* boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk iaitu:

### 2.6.1 Bentuk Pertama.

Bentuk ini dapat dilihat dalam contoh-contoh perbincangan lalu.<sup>62</sup> Ia merupakan bentuk yang paling lazim dalam al-Quran.

### 2.6.2 Bentuk Kedua.

Dalam sesetengah tempat, kita akan temui dua ayat yang sama tetapi diakhiri dengan *fāsilah* yang berbeza. Contohnya ayat (إِنْ شَاءُوا بِنَعْمَةِ اللَّهِ لَا يَنْصُرُونَ) disebut dua kali dalam al-Quran dengan dua *fāsilah* yang berlainan. FirmanNya dalam ayat pertama:

---

<sup>62</sup> Lihat contoh-contoh ayat dalam sub topik “Jenis-Jenis Fasilah”.

وَآتَاكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعْدُوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ الْإِنْسَانَ  
لَظَلُومٌ كُفَّارٌ (34)

*Maksudnya: Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat TuhanYa.*

Surah Ibrāhīm (14): 34

FirmanNya lagi dalam ayat kedua:

أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمَنْ لَا يَخْلُقُ أَفْلَأَ ثَدَّكُرُونَ (17) وَإِنْ تَعْدُوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا  
تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ (18)

*Maksudnya: Kalau sudah demikian, adakah Allah yang menciptakan semuanya itu sama seperti makhluk-makhluk yang tidak menciptakan sesuatu? Maka patutkah kamu larai sehingga kamu tidak mahu beringat serta memikirkannya? Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkan kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Surah al-Nahl (16): 17-18

*Fāsilah* kedua-dua ayat tidak sama kerana ia membahaskan dua perkara yang berbeza. Ayat pertama berkisar mengenai hubungan manusia dengan Allah s.w.t di mana menjelaskan sikap mereka yang tidak mensyukuri nikmat-nikmat kurnianya. Oleh sebab itu ia diakhiri dengan (إِنَّ إِلَيْنَا لَأَتْلُومُ كُفَّارٍ). Manakala ayat kedua pula menceritakan tentang kebesaran dan keagungan sifat-sifatnya. Maka pengakhiran (إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ) lebih sesuai dengan ayat ini.<sup>63</sup>

<sup>63</sup> Ahmad Ahmad Badawi (1978), *op.cit.*, h. 84.

Ada juga sesetengah pendapat mengatakan bahawa *fāsilah* kedua-dua ayat ini sebenarnya disesuaikan dengan sifat surah tersebut. Surah *Ibrāhīm* disifatkan sebagai surah (الْتِّبْيَانُ ) iaitu mereka yang diberi nikmat. Ini kerana ia banyak menyebut tentang manusia. Manakala surah *al-Nahl* disifatkan sebagai (الْمُنْعَمُ عَلَيْهِ ) iaitu Yang Memberi Nikmat dan ia banyak menyebut mengenai sifat-sifat kebesaran dan keagungan-Nya.<sup>64</sup>

Demikian juga ayat (إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكَ بِاللَّهِ) diulang sebanyak dua kali dalam al-Quran dengan *fāsilah* yang berbeza. Pertamanya dalam surah *al-Nisā'* ayat 48, firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكَ بِاللَّهِ  
فَقَدْ أَفْرَى إِنَّمَا عَظِيمًا (48)

*Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuatkanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.*

Surah al-Nisā' (4): 48.

Manakala ayat kedua juga dalam surah yang sama, ayat 116:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكَ بِاللَّهِ  
فَقَدْ ضَلَّ صَلَالًا بَعِيدًا (116)

*Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekuatkanNya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.*

Surah al-Nisā' (4): 116.

<sup>64</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 444.

Pengakhiran ayat pertama (نَفَدَ الْقُرْبَى إِنْ شَاءَ عَظِيمًا) amat sesuai dengan maksud ayat sebelumnya yang menceritakan tentang pendustaan (الْأَنْجَارَ) kaum Yahudi terhadap Allah s.w.t, sedangkan segalanya sudah jelas dalam kitab mereka. Demikian juga pengakhiran ayat kedua (نَفَدَ حَلْمٌ حَلَّا بَعْدَهَا) disesuaikan dengan ayat sebelumnya yang mengisahkan tentang kesesatan (الْمُشَّالَ) kaum musyrik tanpa petunjuk dari kitab Allah s.w.t.<sup>65</sup>

### 2.6.3 Bentuk Ketiga.

Dalam al-Quran bukan sahaja terdapat dua ayat yang sama diakhiri dengan *fāsilah* yang berbeza, malah dalam sesetengah keadaan ia melibatkan beberapa ayat al-Quran. Contohnya ayat diulang sebanyak tiga kali, tetapi diakhiri dengan *fāsilah* yang berlainan. Ketiga-tiga ayat tersebut difirmankan dalam surah *al-Mā''idah*.

...وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ(44)

Maksudnya: ...dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir.

Surah al-Mā'idakah (5): 44.

...وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ(45)

Maksudnya: ...dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalmi.

Surah al-Mā'idakah (5): 45.

<sup>65</sup> Ahmad Ahmad Badawi (1978), *op.cit.*, h. 84. Lihat juga al-Suyū'i, *ibid.*

...وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ (47)

*Maksudnya: ...dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.*

Surah al-Mā''idah (5): 47.

*Fāsilah* ketiga-tiga ayat ini menjelaskan bahawa barangsiapa tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t, maka dia telah menyembunyikan hukum Allah. Dengan ini mereka telah menzalimi diri sendiri dan digolongkan di kalangan orang-orang yang fasik.<sup>66</sup> Tetapi menurut pendapat yang diketengahkan oleh Imām al-Zarkasyī, ayat pertama ditujukan kepada kaum muslimin, manakala ayat kedua dan ketiga masing-masing ditujukan kepada kaum Yahudi dan Nasrani.<sup>67</sup>

Ada juga sesetengah ulamak mentafsirkan ayat tersebut sebagai: “Barangsiapa yang mengingkari hukum yang ditetapkan oleh Allah, dia adalah kafir. Dan barangsiapa yang tidak meletakkan hukum Allah pada tempatnya, dia dianggap zalim. Dan barangsiapa yang tidak menghukum dengan hukum Allah kerana kejihilannya, dia dianggap fasik.”<sup>68</sup> Selain itu, ada juga pendapat mengatakan perbezaan pengakhiran ini adalah untuk mengelakkan pengulangan *fāsilah* dalam ayat tersebut. Ketiga-tiga *fāsilah* ayat ini hanya membawa satu maksud iaitu (الْكُفَّارُ).<sup>69</sup>

<sup>66</sup> Ahmad Ahmad Badawī, *ibid.*, h. 85. Lihat juga Bakrī Syeikh Amin (1979), *op.cit.*, h. 206.

<sup>67</sup> Al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 87.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

#### 2.6.4 Bentuk Keempat.

Terdapat juga ayat al-Quran yang diakhiri dengan *fāsilah* yang sama dalam menerangkan dua keadaan yang bertentangan dan berbeza. Contohnya firman Allah s.w.t:

بَلِّيْ مَنْ كَسَبَ سُيْئَةً وَأَحَاطَتْ بِهِ خَطِيْبَتُهُ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (81) وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (82)

Maksudnya: (*Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahanatan dan ia diliputi (ditenggelamkan) oleh kesalahannya itu, maka mereka lahir ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, mereka lahir syurga, mereka kekal di dalamnya.*

Surah al-Baqarah (2): 81-82.

Walaupun *fāsilah* kedua-dua ayat ini serupa (هم فيها خالدون), tetapi keduanya berkisar mengenai dua perkara yang berbeza. *Fāsilah* pertama dikhususkan untuk ahli neraka *Jahannam*, manakala *fāsilah* kedua dikhususkan untuk ahli syurga yang sentiasa beramal soleh.<sup>70</sup>

#### 2.6.5 Bentuk Kelima.

Selain itu terdapat juga ayat yang diakhiri dengan *fāsilah* yang berbeza dalam menerangkan keadaan yang sama atau hampir sama. Ia dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t dalam surah *al-An'ām*:

<sup>70</sup> Ahmad Ahmad Badawi (1978), *op.cit.*, h. 86.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُلِ النَّارِ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ (97) وَهُوَ الَّذِي أَشَاكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةً فَمُسْتَقْرَرٌ وَمُسْتَوْدَعٌ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ (98) وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجَنَا مِنْهُ خَضْرًا تُخْرِجُ مِنْهُ حَبْلًا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ التَّغْلِيلِ مِنْ طَلْعِهَا قَنْوَانَ دَائِنَةً وَحَثَّاتٍ مِنْ أَعْتَابٍ وَالرِّبَّوْنَ وَالرُّمَادَ مُشَتَّبِهِ وَغَيْرَ مُشَتَّبِهِ انْظُرُوا إِلَى ثَمَرَهِ إِذَا أَنْتُمْ وَتَعَاهُ إِنَّ فِي ذَلِكُمْ لَكِياتٍ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (99)

Maksudnya: Dan Dia lah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui. Dan Dia lah yang mencipta kamu dari diri yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang sulbi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau dalam kubur). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengerti (secara mendalam). Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

Surah al-An'ām (6): 97-99

Ketiga-tiga ayat ini menceritakan kemampuan Allah s.w.t mencipta dan mengatur bumi ini mengikut kehendakNya. Ayat pertama diakhiri dengan (الْعِلْمُ) kerana mereka yang mempunyai ilmu bintang sahaja menjadikan bintang sebagai pedoman dalam kegelapan. Ini semuanya membuktikan kewujudan dan kekuatanNya. Oleh sebab itu ia diakhiri dengan (لَقَوْمٍ يَعْلَمُونَ). Manakala ayat kedua

*Fāsiyah* dalam bentuk ini dapat dilihat juga dalam surah *al-Hāqqah* ayat 41-42:

وَمَا هُوَ بِقَوْلٍ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَا ثُوْمُثُونَ (41) وَلَا يَقُولُ كَاهِنٌ قَلِيلًا مَا  
يَذْكُرُونَ (42)

*Maksudnya: Dan bukanlah Al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan. Tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu beriman. Dan juga bukanlah Al-Quran itu perkataan seorang pawang (sebagaimana yang kamu katakan. Tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan.*

**Surah al-Hāqqah (69): 41-42**

Pengakhiran (فَلِلَا مَا تَذَكَّرُونَ) adalah amat secocok dengan ayat tersebut yang mana orang-orang yang mengatakan al-Quran itu adalah kata-kata seorang penyair, dia dianggap tidak beriman yakni kafir. Manakala *fāsilah* (فَسْلِلَا مَا تَذَكَّرُونَ) merupakan gesaan mentadabbur dan mengambil pengajaran dengan al-Quran. Ini kerana mentadabbur al-Quran akan membuka hakikat kebenaran bahawa al-

<sup>71</sup> ~~Al~~ bererti berfikir dan mendalami secara mendalam.

<sup>72</sup> Ahmad Ahmad Badawi (1978), *op.cit.*, h. 83.

Quran bukanlah kata-kata dari tukang tenung seperti yang didakwa. Malangnya sedikit sahaja mereka yang mengambil pengajaran.<sup>73</sup>

Pembahagian *fāsilah* mengikut pecahan kategorinya telah menjelaskan fungsi dan peranan *fāsilah* dalam setiap ayat al-Quran. Seperti yang dinyatakan di awal topik, ia bukan sahaja berfungsi mengindahkan irama *kalām* al-Quran, bahkan menyempurnakan ayat al-Quran. Setiap ayat al-Quran tidak dapat tidak mempunyai hubungan dengan ayat sebelumnya dan makna keseluruhan ayat sama ada secara langsung atau tidak. Namun begitu terdapat satu keadaan yang dikategorikan ‘agak rumit’ untuk menafsirkan *fāsilah* sesetengah ayat. Imām al-Suyūtī mengkategorikannya sebagai *musykilāt al-fawāṣil* atau boleh diistilahkan di sini sebagai kesamaran dalam al-Quran.<sup>74</sup>

Dalam keadaan ini, *fāsilah al-āyah* seolah-olah tidak ada hubungan langsung dengan makna ayat atau perkara yang dibincangkan. Tetapi sebenarnya ia memerlukan pemerhatian yang lebih teliti dan lebih mendalam, atau dengan kata lain ia dilihat dari aspek lebih halus dan *ma'navi*. Contohnya firman Allah s.w.t:

إِنْ تُعْذِّبُهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (118)

Maksudnya: "Jika Engkau menyeksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu; dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana"

Surah al-Mā'idah (5): 118

<sup>73</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Suyūtī (1999), *op.cit.*, h. 443.

<sup>74</sup> Al-Suyūtī, *ibid.*, h. 444.

Ayat (النَّفُورُ الرِّحْمِ) sepatutnya diakhiri dengan *fāsilah* (فَإِنْ نَفِرْتُ لَهُمْ) kerana untuk disesuaikan dengan ayat sebelumnya. Tetapi sekiranya diteliti secara mendalam, penggunaan (الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ) mempunyai hikmah dan rahsia di sebaliknya. Ayat ini membawa maksud tiada siapa yang berhak mengampunkan hamba-hambaNya yang berdosa melainkan Allah s.w.t Yang Maha Mulia (الْعَزِيزُ). Segala ini membuktikan kebijaksanaaNya (الْحَكِيمُ) dalam meletakkan sesuatu pada tempatnya.<sup>75</sup> Lantaran itu pengakhiran (فَإِنْ كُلْتُ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ) lebih sesuai dalam ayat tersebut.

## 2.7 KAEDEH PEMBINAAN *KALĀM FĀSILAH*.

Pemilihan kata dan huruf amat penting dalam pembinaan alunan bacaan yang indah. Para ulamak telah menemui beberapa kaedah pembinaan *kalām fāsilah* dalam al-Quran. Pemilihan kata tersebut bukan sahaja mewujudkan keseragaman dalam bacaan, bahkan dalam masa yang sama maksud sebenar ayat dapat disampaikan. Inilah yang dikatakan mukjizat *kalām* al-Quran. Kaedah-kaedah tersebut ialah:

### 2.7.1 *al-Muṭarrif* (المُطَرِّفُ).

Iaitu *fāsilah al-āyah* dibina dengan *wazan* yang berbeza tetapi *huriyf al-saja*<sup>76</sup> yang sama.<sup>77</sup> Contohnya firman Allah s.w.t.:

<sup>75</sup> *Ibid.*, Lihat juga al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 89.

<sup>76</sup> *huriyf al-saja*: huruf di akhir ayat.

مَا لَكُمْ لَا تَرْجِعُونَ لِلَّهِ وَقَارًا (13) وَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ أَطْوَارًا (14)

*Maksudnya: "Mengapa kamu berkeadaan tidak menghargai kebesaran Allah (dan kekuasaannya), - "Padahal sesungguhnya ia telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat?*

Surah Nūḥ (71): 13-14

### 2.7.2 *al-Mutawāzī* (الْمُتَوَازِي).

Iaitu *fāsilah al-āyah* dibina dengan *wazan* dan *qāfiyah*<sup>78</sup> yang sama di samping *wazan* dan *qāfiyah* kalimah sebelumnya adalah berbeza.<sup>79</sup> Contohnya firman Allah s.w.t:

فِيهَا سُرُرٌ مَرْفُوعَةٌ (13) وَأَكْوَابٌ مَوْضُوعَةٌ (14)

*Maksudnya: Di situ juga ada pelamin-pelamin (berhias) yang tinggi (tempatnya), Dan piala-piala minuman yang disediakan (untuk mereka).*

Surah al-Ghāsyiyah (88): 13-14

Lafaz *fāsilah* (سُرُرٌ مَرْفُوعَةٌ) dan (مَوْضُوعَةٌ) berada dalam *wazan* dan *qāfiyah* yang sama, tetapi *wazan* dan *qāfiyah* kalimah sebelumnya (فِيهَا سُرُرٌ) dan (وَأَكْوَابٌ) adalah berbeza.

### 2.7.3 *al-Mutawāzin* (الْمُتَوَازِينَ).

Iaitu *fāsilah al-āyah* dibina dengan *wazan* yang sama tetapi *qāfiyah* yang berbeza.<sup>80</sup> Contohnya firman Allah s.w.t:

وَتَمَارِقُ مَصْنُوفَةٌ (15) وَرَزَابٌ مَبْتُوَةٌ (16)

<sup>78</sup> *qāfiyah*: huruf diakhir ayat, dikenali juga sebagai *huruf al-saja'*.

<sup>79</sup> Al-Zarkasyī (1957), *op.cit.*, h. 75. Lihat juga al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 446.

<sup>80</sup> Al-Zarkasyī, *ibid.*, h. 76. Lihat juga al-Suyūṭī, *ibid.*

*Maksudnya: Dan bantal-bantal yang teratur (untuk mereka berbaring atau bersandar), Serta hamparan-hamparan yang terbentang.*

Surah al-Ghāsyiyah (88): 15-16

*Wazan fāsilah* kedua-dua ayat ini adalah sama (عَنْهُمْ وَعَنْهُمْ مُّسْتَأْنِدُونَ). Tetapi *qāfiyah* kedua-duanya berbeza (عَنْهُمْ وَعَنْهُمْ).

#### 2.7.4 *al-Murṣa‘* (المرصع).

Iaitu *fāsilah al-āyah* dibina dengan *wazan* dan *qāfiyah* yang sama di samping *wazan* dan *qāfiyah* kalimah sebelumnya juga adalah sama.<sup>81</sup> Contohnya:

إِنْ إِلَيْنَا يَأْتِيهُنَّ (25) إِنْ عَلَيْنَا حِسَابُهُنَّ (26)

*Maksudnya: Sesungguhnya kepada Kamilah kembalinya mereka, Selain dari itu, sesungguhnya tanggungan Kamilah soal menghitung amal mereka.*

Surah al-Ghāsyiyah (88): 25-26.

Lafaz *fāsilah* ayat ini (يَأْتِهُمْ وَحِسَابُهُمْ) bukan sahaja dibina dengan *wazan* dan *qāfiyah* yang sama, malahan *wazan* dan *qāfiyah* kalimah sebelumnya (إِنْ إِلَيْنَا يَأْتِيهُنَّ) dan (عَلَيْنَا حِسَابُهُنَّ) turut sama.

<sup>81</sup> Al-Zarkasyī, *ibid.*, h. 77. Lihat juga al-Suyūtī, *ibid.*

## 2.7.5 *Al-Mutamāthil* (المُتَمَاثِل).

Iaitu *fāṣilah al-āyah* dibina dengan *wazan* dan *qāfiyah* yang berbeza. Ia tidak sama tetapi hampir serupa.<sup>82</sup> Contohnya pengakhiran ayat 5 dan 6 surah *al-Fātiḥah* hampir serupa dari segi sebutannya walaupun ia dibina dengan *wazan* dan *qāfiyah* yang berbeza. Firman Allah s.w.t:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (5) اهْدِنَا الصَّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (6)

Maksudnya: Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus.

Surah al-Fātiḥah (1): 5-6.

## 2.7.6 Menggunakan kalimah *gharībah*<sup>83</sup>

Iaitu menggunakan kalimah *gharībah* yang mempunyai persamaan makna dengan kalimah asal bahasa arab sebagai *fāṣilah al-āyah*.<sup>84</sup> Penggunaan kalimah ini bertujuan untuk merealisasikan peranan utama *fāṣilah* seperti yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu mewujudkan keseragaman alunan irama bacaan dan dalam masa yang sama makna sebenar ayat dapat disampaikan. Contohnya firman Allah dalam surah *al-Najm*.

الْكُمُ الْذَّكْرُ وَلَهُ الْأَشْيَ (21) تَلْكَ إِذَا قِسْنَةً حِزِيزَ (22)

Maksudnya: Patutkah kamu membahagi untuk diri kamu sendiri anak lelaki (yang kamu sukai), dan untuk Allah anak perempuan (yang kamu benci)? Pembahagian yang demikian, sudah tentu suatu pembahagian yang tidak adil.

Surah al-Najm (53): 21-22.

<sup>82</sup> Al-Suyūṭī, *ibid*. Lihat juga Bakri Syeikh Amin (1979), *op.cit.* h. 208.

<sup>83</sup> *Gharībah*: kalimah asing atau bukan kalimah Bahasa Arab.

<sup>84</sup> Bakri Syeikh Amin (1979), *op.cit.*, h. 207.

Irama bacaan keseluruhan ayat dalam surah ini diakhiri dengan huruf ya' ( ي ). Tetapi dalam ayat 22 tiada kalimah bahasa arab yang sesuai dijadikan *fāsilah* bagi menerangkan maksud ayat tersebut. Oleh yang demikian kalimah *gharībah* ( ضَرِبَيْ ) digunakan bagi menyempurnakan dua tugas ini.

Munurut Ibn Athīr, tidak syak lagi ada kalimah lebih baik daripada kalimah seperti kalimah طَلَّة ( طَلَّة ) dan حَازِمَة ( حَازِمَة ). Tetapi kalimah-kalimah ini bukan sahaja tidak mampu mewujudkan keseragaman bacaan bahkan boleh mencacatkan kesempurnaan al-Quran.<sup>85</sup> Lantaran itu kalimah merupakan sebaik-baik lafaz dalam ayat ini.

## 2.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, *khātimah al-āyah / fāsilah* merupakan salah satu lagi ilmu yang menyentuh tentang kemukjizatan susun atur ayat-ayat al-Quran. Cuma yang membezakannya dengan ilmu *munāsabah* ialah perbincangan mengenainya dikhususkan pada pengakhiran ayat al-Quran, bukan pada keseluruhan ayat. Jadi, penulis dapat membuat satu kesimpulan bahawa skop perbincangan *fāsilah* adalah sebahagian daripada ilmu *munāsabah* tetapi tidak sebaliknya.

<sup>85</sup> Ibn Athīr al-Juzuriy (1998), *op.cit.*, h. 160. Lihat juga Ahmad Ahmad Badawī (1978), *op.cit.*, h. 87.